

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	11 SEPTEMBER 2016

## Betulkan persepsi rakyat secara menyeluruh

UM- 11/9/2016

**TANJONG KARANG 10 Sept.** - Semua ahli UMNO perlu memastikan persepsi rakyat dibetulkan semula susulan wujudnya anasir-anasir negatif yang cuba menyemai politik kebencian terhadap parti itu termasuklah kepimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Presiden dan Perdana Menteri.

Perkara itu ditegaskan Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa yang menyifatkan anasir berkenaan yang didalangi bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dilihat begitu agresif kerana mahukan kedudukan dan kuasa sehinggakan mereka lupa terhadap perkara pokok dalam membangunkan negara bangsa yang berjaya.

Katanya, selain menanam kebencian, golongan terbabit turut menarik rakyat dengan isu-isu tertentu selain cuba melemparkan pelbagai tuduhan terhadap UMNO yang kononnya merupa-

kan sebuah parti politik bersifat antirakyat.

"Justeru, kita perlu mencantumkan kesepakatan di antara satu sama lain dan memberikan sokongan padu kepada pucuk pimpinan selain memperbaharui komitmen kita.

"UMNO merupakan sebuah parti politik yang memperjuangkan agenda rakyat dalam skop yang besar merangkumi semua yang ada di negara ini. Ada orang kata negara akan bankrap, sebaliknya negara hari ini berjaya mendapat pengiktirafan dunia, penarafan yang baik," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Tanjung Karang di Institut Pengurusan Peladang (IPP) di sini hari ini.

Yang hadir sama, Ketua UMNO Bahagian itu, Tan Sri Noh Omar; Timbalan Ketua Bahagian, Datuk Sulaiman Abdul Razak serta barisan kepimpinan dan para per-

wakilan UMNO Bahagian Tanjung Karang.

Pada masa sama, Annuar menegaskan kepada mana-mana pihak supaya tidak menuding jari kepada pentadbiran Najib dengan membuat tuduhan-tuduhan yang tidak berasas.

Sebaliknya beliau menyatakan kepimpinan Najib berada dalam keadaan yang kukuh dan Perdana Menteri turut komited menumpukan masalah yang ditinggalkan oleh legasi Mahathir.

"Beliau (Mahathir) semasa pentadbirannya ada mencatatkan kejayaan tetapi ada juga mencatatkan kelemahan. Dalam soal pemilikan ekuiti bumiputera sebagai contoh, pada akhir tempoh pentadbirannya peratusan pemilikan ekuiti itu hanya mencapai 18.7 peratus selain pengurusan percukaian tidak teratur dan masalah pelaksanaan subsidi yang tersasar daripada matlamatnya," ujarnya.